



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 7 MEI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	BOT NELAYAN ASING: LEBIH BAIK TENGGELAM DARIPADA BAKAR, DALAM NEGERI, UM -8 INDONESIA SINKS 51 FOREIGN FISHING BOATS INCLUDING FROM MALAYSIA, NATION, KWONG WAH YIT POH -A9 PPNT BANTAH JEMAAH PENGARAH LANTIKAN MENTERI, NEWS, BH (JOHOR) -62 PINDA PERATURAN DEMI POLITIK, NEWS, SH (PANTAI TIMUR) -21 LANTIKAN POLITIK CETUS KERESAHAN, NEGARA, KOSMO -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
6. 7. 8.	HARGA PERKAKASAN TANGKAP IKAN SEMAKIN MAHAL, DALAM NEGERI, UM -14 REAKSI, NASIONAL, SH -3 SYARIKAT KOREK PASIR DIBERI SEMINGGU BAYAR SAGU HATI, WILAYAH, BH -61	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Bot nelayan asing: Lebih baik tenggelam daripada bakar

KUALA LUMPUR 6 Mei - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani diminta untuk mengkaji semula pertimbangan membakar bot nelayan asing yang ditahan sebagai usaha membanteras pencerobohan di perairan negara.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, sebaliknya kerajaan perlu mengambil tindakan yang berseesuaian serta memberi manfaat kepada nelayan dengan hanya dengan menenggelamkan bot asing berkenaan.

Beliau yang juga Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah berkata, ini kerana, cadangan membakar bot itu seolah-olah tidak memberi apa-apa makna atau kebaikan kepada nelayan mahupun negara.

“Kita tidak perlu mengambil tindakan sehingga membakar bot asing sebaliknya cukup sekadar menenggelamkan bot berkenaan bagi menyediakan tempat pembiakan ikan.

“Pada saya hukuman ini lebih berseesuaian dan tidak memudaratkan mana-mana

pihak. Selain itu, tindakan bakar bot juga seolah-olah tidak memberi apa-apa makna kepada nelayan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pihaknya tidak menolak akan mengambil tindakan drastik termasuk membakar bot yang ditahan seperti dilakukan Indonesia sekiranya usaha membanteras pencerobohan nelayan asing di perairan negara masih gagal ditangani.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Terengganu, Mat Yassin Mohamed berkata, selain menenggelamkan bot tersebut, kerajaan juga boleh mengambil langkah dengan memusnahkan bot itu untuk dijadikan tukun tiruan sebagai habitat hidupan laut khususnya ikan.

“Dengan cara ini pada saya mampu menjimatkan masa dan kewangan kerajaan kerana sebelum ini kerajaan memperuntukkan sejumlah dana yang memberi tender kepada kontraktor tertentu dalam membina tukun tiruan,” ujarnya.

Headline	Indonesia sinks 51 foreign fishing boats including from Malaysia		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	07 May 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A9	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	173 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,940
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,820



印尼炸沉51艘外国渔船包括大马

在炸毁作业进行前，工人给被扣押的越南渔船灌水



【雅加达6日综合电】印尼当局加强打击非法捕鱼，周六在5个港口炸沉了51艘外国渔船，其中包括越南、大马和中国的渔船。

外电报道，被印尼扣押的这些渔船将在未来两周在数个地点分批炸毁。周六当天，已有超过12艘渔船在西加里曼丹省省府坤甸临近水域被炸沉。

印尼海事与渔业部长苏茜说，为发挥阻遏租用，炸沉非法捕捞渔船是必要的。

印尼拘捕12越南渔民

早于一周前，印尼海军巡逻舰曾与越南渔政船发生碰撞，印尼指控越南船非法捕鱼，越南则反驳现场是越南水域。冲突期间，印尼拘捕12名越南渔民，将他们扣留于纳土纳岛的海军基地。

由于外国船只的非法捕捞，印尼渔业每年有超过200亿美元（约827亿令吉）的损失。为此，印尼总统佐科威上任以来实施严厉的“沉船政策”，要求凡是非法进入印尼海域从事捕捞的渔船，一旦被当地海军或海警没收，一律由渔业部统一炸毁。#

Headline	PPNT bantah jemaah pengarah lantikan menteri		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	07 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	9,832
Page No	62	Readership	29,496
Language	Malay	ArticleSize	367 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,444
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,331



PPNT bantah jemaah pengarah lantikan menteri

Kuala Terengganu: Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu (PPNT) membantah pelantikan barisan jawatankuasa unit dan ahli jemaah pengarah dalam Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK); Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menerusi lantikan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Pengerusi PPNT, Datuk Wan Zakaria Abd Rahman berkata, lantikan itu dibuat secara melampau dan tidak mengikut peraturan sedia ada.

Beliau berkata, pemilihan Ahli Jemaah Pengarah (AJP) dan jawatankuasa unit perlu mengikut prosedur pemilihan secara demokrasi seperti diamalkan sebelum ini.

"Kami sebagai ahli peladang secara prinsipnya tiada halangan kerana itu hak menteri, namun lantikan itu mesu tidak melebihi barisan AJP yang dilantik perwakilan.

"Mengikut Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983, Peraturan 35 (3) menyatakan bahawa lantikan menteri yang dibenarkan hanyalah empat orang sahaja.

"Bagaimanapun, Perlembagaan Pertubuhan Peladang yang baru sudah dikeluarkan yang memansuhkan AJP lantikan menteri di peringkat PPK dan PPN serta digantikan dua AJP daripada golongan Peladang Nita dan dua AJP Peladang Muda," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Wisma Peladang di sini, semalam.

Tiada perbincangan langsung

Wan Zakaria berkata, PPNT juga kesal apabila tiada perbincangan langsung antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Lembaga Pertubuhan Peladang dengan pemimpin pertubuhan peladang peringkat negeri, kebangsaan atau kawasan.

"Ini menunjukkan ketidaksefahaman yang boleh menyebabkan ketegangan dan masalah pada masa depan kepada pertubuhan peladang yang mempunyai kira-kira sejuta ahli di seluruh negara.

"Kami juga berharap kerajaan Pusat meneliti semula perkara ini kerana ia tidak dibincangkan secara menyeluruh dan teliti serta dibuat secara tergesa-gesa demi kepentingan pihak tertentu," katanya.

(FOTO IMRAN MAKIZAN /BHI)



Wan Zakaria bersama ahli lembaga ketika sidang media mengenai Perhimpunan Aman Membantah Pindaan Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 di Kuala Terengganu, semalam.

Headline	Pinda peraturan demi politik		
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)		
Date	07 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	40,000
Page No	21	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	383 cm ²
Journalist	NORHASPIDA YATIM	AdValue	RM 4,127
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,380



Pinda peraturan demi politik

Peladang Terengganu persoalkan keputusan Kementerian

NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Pertubuhan Peladang Terengganu mendakwa keputusan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang meminda beberapa peraturan dalam pertubuhan itu tanpa sebarang perbincangan demi memenuhi kepentingan parti politik tertentu.

Pengerusinya, Datuk Wan Zakaria Abd Rahman berkata, keputusan yang dibuat tanpa perbincangan bersama antara Kementerian, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dengan pemimpin Pertubuhan Peladang peringkat kebangsaan, negeri mahupun



Wan Zakaria (tengah) menghsidiri Perhimpunan Aman Membantah Pindaan Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 di Wisma Peladang di sini, kelmarin.

kawasan menunjukkan seolah-olah sudah tiada ikatan persefahaman antara satu sama lain.

"Apa yang berlaku boleh menimbulkan masalah dan ketegangan Pertubuhan Peladang yang mempunyai hampir sejuta ahli di seluruh negara.

"Jadi, kita minta pihak Kementerian meneliti semula perkara ini kerana ia dilihat dibuat dalam keadaan tergesa-gesa, hanya demi kepentingan politik parti tertentu,

tanpa menghitung proses kerajaan Malaysia baharu yang demokratik dalam melahirkan warganegara matang," katanya sempena Perhimpunan Aman Membantah Pindaan Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 di Wisma Peladang di sini, kelmarin.

Mengulas lanjut, katanya, ahli jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Terengganu bersama 15 Pertubuhan Peladang Kawa-

san (PPK) serta seramai 45,765 ahli Peladang seluruh negeri membantah pindaan peraturan itu dan memohon supaya peraturan sebelum ini (Arahan Pendaftaran Bil 1/2016) dikekalkan.

"Bantahan dibuat kerana pelantikan jawatankuasa unit, Ahli Jemaah Pengarah PPK, Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas)

info

Apa yang berlaku boleh menimbulkan masalah dan ketegangan Pertubuhan Peladang yang mempunyai hampir sejuta ahli di seluruh negara

perlu dipilih berdasarkan sistem pemilihan secara demokrasi yang dijamin selama ini.

"Pemimpin yang dipilih oleh akar umbi adalah calon terbaik dalam kalangan semua ahli untuk menerajui Pertubuhan Peladang kerana ia bukan sebuah agensi berkaitan kerajaan (GLC) yang ditubuhkan kerajaan," katanya.

Dalam pada itu, katanya, bantahan lebih besar dijangka akan diadakan sekiranya tiada sebarang kajian semula dilakukan terhadap pindaan peraturan itu.

"Kita tidak akan teragak-agak untuk membuat demonstrasi lebih besar sekiranya tiada sebarang tindakan dilakukan oleh pihak berkaitan," katanya.

Lantikan politik cetus keresahan

SEJAK dua minggu lalu, majoriti ahli dalam kalangan Pertubuhan Peladang (Peladang) di seluruh negara mula bercakap-cakap tentang peraturan baharu dalam pertubuhan yang dinaungi oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) itu.

Pindaan baharu itu membenarkan pertambahan jawatan Ahli Jemaah Pengarah (AJP) yang boleh dilantik oleh Menteri, Datuk Sallehuddin Ayub pada peringkat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

la diputuskan menerusi Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 yang berkuat kuasa pada 1 Mei lalu.

Tanpa berselindung, ramai dalam kalangan ahli-ahli Peladang mendakwa lantikan berkenaan sebenarnya bagi memberi penghargaan kepada orang politik mengetuai agensi kerajaan sekali gus menguatkan parti politik tertentu.

Dengan keahlian seramai kira-kira sejuta orang yang terdiri daripada peladang, pekebun dan usahawan tani menerusi 279 cawangan PPK di seluruh negara jelaslah Peladang bukan satu entiti kecil.

Mengulas isu ini, Pengerusi PPN Perak, Datuk Nadzri Ismail berkata, pihaknya membantah keputusan MOA kerana membuat keputusan tanpa berbincang serta mendapatkan pandangan ahli-ahli.

Kata beliau, pihaknya hanya dimaklumkan beberapa hari sebelum pindaan berkenaan berkuat kuasa menyebabkan timbul persoalan dalam kalangan ahli-ahli.

Menurut Nadzri, apa yang dibimbangkan ialah lantikan tersebut akan disalah guna oleh pihak tertentu termasuk melantik individu berkepentingan dan bukan dalam kalangan ahli Peladang.

Katanya, ini kerana pemimpin yang dipilih oleh akar umbi merupakan calon terbaik dalam kalangan semua

Menjengah Minda

Oleh ZAKI SALLEH

ahli untuk menerajui Peladang.

"Pertubuhan Peladang bukanlah syarikat berkaitan kerajaan (GLC), sebaliknya ia ditubuhkan dan digerakkan seperti sebuah kope-

4 Tanpa

berselindung, ramai dalam kalangan ahli-ahli Peladang mendakwa lantikan berkenaan sebenarnya bagi memberi penghargaan kepada orang politik mengetuai agensi kerajaan sekali gus menguatkan parti politik tertentu.

rasi yang mana AJP dipilih dalam kalangan ahli-ahli yang juga pemegang saham Pertubuhan Peladang.

"Jadi sebagai ahli, mereka arif tentang kehendak serta peranan pertubuhan ini yang merupakan salah satu entiti ekonomi bagi pekebun-pekebun kecil," ujarnya ketika ditemui di Ipoh, Perak baru-baru ini.

PPN Perak ketika ini mempunyai seramai 103,053 ahli melibatkan 30 buah PPK.

Mengulas lanjut, kata Nadzri, sebagai ahli Peladang pihaknya tidak menghalang peraturan berkenaan kerana itu adalah hak menteri tetapi mestilah tidak melebihi barisan AJP yang dilantik oleh perwakilan semasa mesyuarat tahunan.

"Lantikan oleh menteri bu-

kan perkara baharu dalam Peladang kerana ia pernah dibuat menurut Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983, Peraturan 35(8) tetapi empat orang sahaja.

"Bagaimanapun, ia kemudian dimansuhkan mengikut Perlembagaan Pertubuhan Peladang yang baharu pada tahun 2016. Jadi, peraturan terkini ini seolah-olah kembali pada cara lama.

"Kami berpendapat langkah ini akan mematahkan semangat demokrasi tulen yang didokong oleh kerajaan Malaysia baharu supaya masyarakat lebih matang dalam amalan demokrasi," jelas beliau.

Perkara sama turut disuarakan Pengerusi PPN Kedah, Datuk Abdul Lateh Mohd. Saman. Beliau dipetik berkata, peraturan baharu itu menunjukkan seolah-olah menteri cuba mengambil kuasa ahli-ahli Pertubuhan Peladang.

Abdul Lateh berkata, pemilihan secara autokratik tanpa melalui pemilihan adalah langkah songsang, mengguris hati ahli peladang yang boleh menyebabkan mereka beralih arah kepada platform lain.

Campur tangan itu turut dilihat bertentangan dengan manifesto Pakatan Harapan (PH) serta aspirasi kerajaan Malaysia Baharu yang tidak mahu melibatkan orang politik dalam mana-mana GLC.

Justeru, keraguan berhubung perkara tersebut perlu diselesaikan secara berhemah agar persefahaman yang sedia terjalin antara pihak-pihak berkaitan dalam Pertubuhan Peladang dan MOA tidak terganggu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	14

Harga perkakasan tangkap ikan semakin mahal

MELAKA 6 Mei - Sebahagian besar nelayan pantai di negeri ini melahirkan rasa bimbang dengan nasib mereka yang terpaksa mengeluarkan modal besar untuk membeli perkakasan menangkap ikan disebabkan tiada kawalan harga bagi barang tersebut.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Muara Sungai Duyung, Padang Temu di sini mendapati, kebanyakan nelayan yang dite-

mui mengadu masalah sama malah terpaksa mengeluarkan modal tinggi yang belum tentu memberi pulangan hasil lumayan.

Salah seorang nelayan, **Hsham Md. Sarip**, 46, berkata, harga peralatan menangkap ikan seperti jaring dan sebagainya semakin hari semakin mahal kerana tiada pihak yang mengawal harganya.

"Kebanyakan peniaga suka

ambil kesempatan menjual dengan harga mahal atas alasan mereka juga kena tampung kos barang yang semakin naik.

"Jika dahulu, sekeping jaring boleh dibeli dengan harga belasan ringgit tapi hari ini jaring kosong sahaja sudah berharga RM40. Jika jaring lengkap termasuk batu pemberat sebagainya, ia mencecah RM120 sekeping.

"Bayangkan, kami dengan

sebuah bot kecil memerlukan sekurang-kurangnya 20 keping jaring lengkap itu untuk menangkap ikan. Jaring itu juga tidak tahan lama, ia boleh digunakan kira-kira sebulan sahaja dan kami perlu membeli jaring baharu," katanya ketika ditemui di Muara Sungai Duyung, di sini hari ini.

Sementara itu, seorang lagi nelayan, **Mohd. Faiz Hassan**, 29, berkata, dia sangat berharap

agar pihak berkenaan dapat memantau harga peralatan menangkap ikan yang dijual di negeri ini.

"Sejak dahulu, harganya sering naik tak pernah sekali pun turun. Kami nelayan pantai sangat terkesan kerana terpaksa mengeluarkan modal yang besar sebab barang-barangan ini perlu dibeli sendiri secara tunai," katanya yang sudah lebih 10 tahun menjadi nelayan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	3

REAKSI



Saya sendiri akui walaupun berpengalaman

40 tahun dalam politik, tetapi pengalaman dalam kerajaan kosong. Tetapi sekarang dah setahun saya bergelar menteri Kabinet, banyak perkara saya pelajari

dan sesuaikan diri. Apabila Tun Dr Mahathir Mohamad memberi penilaian baik kepada prestasi Kabinet, sudah tentu saya bersyukur. Pengiktirafan ini membuatkan kami bergerak lebih pantas dan bekerja lebih kuat. Markah lima daripada 10 itu juga sudah cukup baik bagi saya,"

- Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani,
Datuk Salahuddin Ayub

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2019	BERITA HARIAN	WILAYAH	61

Syarikat korek pasir diberi seminggu bayar sugu hati

➔ Bayaran kepada 106 nelayan terjejas belum dibuat

Oleh Hassan Omar
bhnews@bh.com.my

► Alor Gajah

Tempoh seminggu diberikan kerajaan negeri kepada syarikat mengorek pasir di Sungai Rembau, Lubok Cina, di sini untuk melunaskan pembayaran suguhati 106 nelayan yang terjejas akibat projek itu.

Exco Pertanian, Pembangunan Usahawan, Industri Asas Tani dan Koperasi, Norhizam Hassan Baktee, berkata tempoh itu yang bermula hari ini su-

sulan kegagalan syarikat terbit membuat pembayaran berkenaan di Pejabat Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan DUN Ayer Limau, Jumaat lalu.

Beliau mendakwa pengurusan syarikat itu bersetuju membuat pembayaran berkenaan ketika pertemuannya dengan wakil syarikat, Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dan wakil nelayan di pejabatnya, 27 April lalu.

Janji buat bayaran

"Dalam pertemuan itu, pengurusan syarikat berjanji membuat pembayaran tetapi wakil mereka gagal hadir ketika majlis diadakan di Pejabat Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan DUN Ayer Limau, Jumaat lalu.

"Jadi, kita beri tempoh seminggu kepada mereka sebelum kerajaan negeri mengambil tindakan selanjutnya," katanya ketika dihubungi, di sini semalam.



Norhizam Hassan Baktee

Kenyataan Norhizam sebagai mengulas mengenai insiden 106 nelayan dari Pangkalan Kampung Paya Lebar, Tebing Urut, Teluk Berembang, Sungai Timun dan Ramuan Cina yang sepatutnya menerima bayaran suguhati itu, terpaksa pulang hampa selepas tiada seorang wakil syarikat muncul pada majlis berkenaan.

Hadir sama Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermeyati Samsuddin dan Penye-

laras Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Limau, Datuk Seri Ruslin Hassan.

Pada 26 April lalu, Norhizam melakukan pemeriksaan mengejut di lokasi mengorek pasir di Tebing Tinggi dan Tebing Urut di Sungai Rembau disertai Pengurus Besar CMI, Jamzuri Ardani dan pegawai daerah, Rahizi Ranom berikutan dakwaan pihak tertentu projek itu tidak mematuhi syarat operasi.

Nelayan, Johari Ismail, 56, yang ditemui di Pangkalan Nelayan Paya Lebar berkata, ada di antara mereka yang berhasrat menggunakan wang itu membeli daging dan bahan makanan lain sebagai persediaan menyambut Ramadan.

"Kasihlah melihat nelayan yang sudah berumur menunggu dari jam 9 pagi hingga 12 tengah hari semata-mata untuk mendapatkan sedikit wang belanja menyambut Ramadan tetapi terpaksa pulang hampa," katanya.